



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SABTU 28 OGOS 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	RONALD JANJI JAGA KEBAJIKAN WARGA TANI DEMI KELUARGA MALAYSIA, BH - ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2.	MAFI SERAH 1,500 KOTAK BAKUL MAKANAN, NASIONAL, SH -12	
3.	RM1.1 JUTA BANTU PESAWAH TERJEJAS TRAGEDI KEPALA AIR - MAFI, ASTRO AWANI -ONLINE	
4.	'TSUNAMI JERAI': EM1.1 JUTA BAIK PULIH SAWAH, BANTU PETANI TERJEJAS, UM -ONLINE	
5.	NASIB PETANI TERJEJAS AKIBAT TRAGEDI KEPALA AIR TERBELA, SH -ONLINE	
6.	RM1.1 JUTA UNTUK BAIK PULIH SAWAH DI YAN, BH -ONLINE	
7.	RM1.1 JUTA BAGI BAIK PULIH 34 HEKAR SAWAH PADI DI YAN, BERNAMA -ONLINE	
8.	KOLAM TAMPUNG NAJIS AYAM, NEGERI SEMBILAN/KELANTAN, SH -29	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
9.	ADDITIONAL RM9 MLN AS MONSOON SEASON RELIEF AID FOR FISHERMEN, NEW SARAWAK TRIBUNE -ONLINE	LAIN-LAIN
10.	SEDEKAH DUA TAN SAYUR, BUAH SEMPENA MERDEKA, DALAM NEGERI, UM -28	
11.	KRATIVITI PETUA BISNES TERUS BERTAHAN, DALAM NEGERI, UM -29	

UKKMAFI

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Ronald janji jaga kebajikan warga tani demi Keluarga Malaysia



Datuk Seri Dr Ronald Kiandee

KOTA KINABALU: Ahli Parlimen Beluran, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berjanji akan memastikan beliau melakukan yang terbaik dalam menggalas tanggungjawab sebagai Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Beliau dalam satu kenyataan yang dimuat naik dalam laman media sosial Facebook berkata, beliau menghargai kepercayaan Perdana

Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob kepadanya untuk terus mengendalikan portfolio kementerian terbabit.

"Ini adalah satu tanggungjawab dan amanah yang sangat besar. Namun dengan sokongan dan kerjasama jabatan serta agensi di bawah MAFI, saya akan menggalas tanggungjawab ini.

"Saya juga akan melakukan yang terbaik untuk memastikan jaminan sekuriti makanan negara, kelangsungan rantai bekalan makanan dan industri agromakanan serta memelihara kebajikan warga tani keseluruhannya demi 'Keluarga Malaysia'," katanya.

Ronald sebelum ini juga memegang jawatan sebagai menteri dalam portfolio yang sama.

Ismail Sabri dalam ucapannya pagi tadi mengumumkan barisan Jemaah Menteri dalam Kabinetnya yang turut menyaksikan beberapa muka baharu serta pemimpin yang dipilih semula.

MAFI serah 1,500 kotak bakul makanan

SHAH ALAM - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menyerahkan bantuan MAFI Prihatin sebanyak 1,500 kotak bakul makanan kepada penduduk di beberapa lokasi sekitar Kuala Lumpur yang terjejas pandemik Covid-19.

MAFI dalam kenyataan pada Khamis memaklumkan, sumbangan kotak makanan itu mengandungi barangan keperluan asas seperti beras, gula, tepung gandum, minyak, biskut, bihun, susu pekat, nanas tin dan jem nanas.

“Sumbangan MAFI Prihatin melalui Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) melibatkan penyerahan kotak makanan kepada kumpulan sasar dan barisan hadapan melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, balai polis, pihak universiti serta persatuan-persatuan penduduk dan rukun tetangga,” katanya kenyataan itu.

Penyerahan bantuan MAFI Prihatin disampaikan Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid dan turut di-



Haslina (lima dari kiri) menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin kepada wakil komuniti Seksyen 6 Kota Damansara dan wakil Balai Polis Kota Damansara.

hadiri Ketua Pengarah Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM), Mohd Khairuzamri M Salleh.

Kenyataan itu turut memaklumkan sehingga kini, LPNM telah menyumbangkan lebih 3,000 bakul makanan kepada pelbagai kumpulan sasar yang terjejas terutamanya golongan petani, penternak, nelayan dan baris-

an hadapan.

“Turut disumbangkan ialah 2,300 biji nanas sebagai sebahagian daripada promosi Kempen Makan Nanas,” katanya.

Bermula Jun hingga Ogos tahun ini, seramai 77,289 penerima telah mendapat manfaat dan bantuan MAFI Prihatin yang dilaksanakan di 441 lokasi seluruh negara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

RM1.1 juta bantu pesawah terjejas tragedi kepala air - MAFI



MAFI memberi peruntukan sebanyak RM1.1 juta untuk membaiki pulih 34 hektar kawasan sawah padi yang musnah dalam kejadian banjir lumpur. - Foto ihsan MAFI

YAN: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memberi peruntukan sebanyak RM1.1 juta untuk membaiki pulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan, yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena kepala air dari

Puncak Gunung Jerai pada 18 Ogos lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada Selasa lalu.

“Peruntukan berjumlah RM495,000 akan digunakan bagi membaiki kerosakan infrastruktur termasuk jalan ladang, tali air konkrit, membaiki paip bekalan pengairan, mencuci dan menyenggara pam guna semula.

“Manakala RM555,000 pula untuk kegunaan membaikpulih sawah yang melibatkan kerja-kerja mengeluarkan enapan di dalam bendang, pitaran tanah sawah, perataan tanah dan pemulihan kesuburan tanah.

“Selain itu, peruntukan sebanyak RM50,000 akan digunakan untuk bantuan pembatalan musim tanaman 2/2021 di bawah Skim Pengairan Lubok Boi dengan keluasan 15 hektar,” katanya ketika meninjau kawasan sawah dan rumah penduduk yang terjejas akibat tragedi tersebut di Yan, hari ini.

Menurut beliau, peruntukan itu bagi memastikan nasib warga tani di kawasan pertanian tersebut akan terus mendapat pembelaan dari pihak kementerian.

Katanya, Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), mengenalpasti kesemua tanaman padi yang terjejas berusia antara 75 hingga 100 hari dan ditenggelami air sedalam 1.2 meter.

Jelas Haslina, MAFI dengan kerjasama jabatan dan agensi khususnya MADA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang juga sedang menggerakkan segala jentera dalam usaha untuk memulihkan dan memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan yang terjejas.

“Laporan keseluruhan kerosakan bencana khususnya sektor tanaman lain selain padi, termasuk ternakan dan perikanan dalam daerah Yan dan Kuala Muda dianggarkan bernilai RM286,000,” jelasnya.

Nilai kerosakan ini meliputi sektor tanaman dan industri tani dengan anggaran kerosakan sebanyak RM222,000, manakala sektor lain seperti ternakan haiwan dan ikan pula membabitkan nilai kerugian sebanyak RM64,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/6/2021	UTUSAN MALAYSIA	ONLINE	

'Tsunami Jerai': RM1.1 juta baik pulih sawah, bantu petani terjejas



HASLINA Abdul Hamid (kiri) bertanya khabar dua petani yang mengalami kerugian selepas tanaman mereka rosak akibat kejadian kepala air di Gunung Jerai di Yan hari ini.

YAN: Kerajaan memperuntukkan RM1.1 juta bagi membaik pulih seluas 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir di sini yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat kepala air dari Gunung Jerai, 18 Ogos lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, peruntukan tersebut sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana Selasa lalu.

"Peruntukan RM495,000 akan digunakan bagi membaiki kerosakan infrastruktur termasuk jalan ladang, tali air konkrit, membaiki paip bekalan pengairan, mencuci dan menyenggara pam guna semula.

"Sebanyak RM555,000 lagi untuk kegunaan membaik pulih sawah yang melibatkan kerja-kerja mengeluarkan enapan di dalam bendang, pitaran tanah sawah, perataan tanah dan pemulihan kesuburan tanah," katanya ketika meninjau kawasan terlibat di Yan dan Kuala Muda hari ini.

Jelasnya, kesemua tanaman padi yang terjejas berusia antara 75 hingga 100 hari dan ditenggelami air sedalam 1.2 meter.

Beliau menambah, selain itu, peruntukan sebanyak RM50,000 akan digunakan untuk bantuan pembatalan musim tanaman 2/2021 di bawah Skim Pengairan Lubok Boi dengan keluasan 15 hektar.

"Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan kerjasama jabatan dan agensi khususnya Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang juga menggerakkan segala jentera dalam usaha untuk memulihkan dan memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan yang terjejas.

"Laporan keseluruhan kerosakan bencana khususnya sektor tanaman lain selain padi, termasuk ternakan dan perikanan dalam daerah Yan dan Kuala Muda dianggarkan bernilai RM286,000," katanya.

Jelas beliau, nilai kerosakan itu meliputi sektor tanaman dan industri tani dengan anggaran kerosakan sebanyak RM222,000, manakala sektor lain seperti ternakan haiwan dan ikan pula membabitkan nilai kerugian sebanyak RM64,000.

Katanya, program MAFI Prihatin dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama jabatan dan agensi di bawah MAFI serta syarikat swasta dengan sasaran utamanya adalah golongan petani, penternak, nelayan dan barisan hadapan negara.

“Program ini juga turut meliputi bantuan kepada badan kebajikan, rakyat dan penduduk yang terkesan disebabkan pandemik serta lain-lain bencana dan juga bantuan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO),” katanya.

Selain itu, Haslina turut menyampaikan 100 Bakul Makanan MAFI Prihatin kepada petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana ini.- UTUSAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/8/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

Nasib petani terjejas akibat tragedi kepala air terbelah



Haslina meninjau tanaman petani yang rosak akibat bencana kepala air yang melanda penduduk pada 18 Ogos lalu.

ALOR SETAR - Sebanyak RM1.1 juta diperuntukkan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi membaik pulih 34 hektar sawah padi di daerah Yan yang musnah akibat fenomena kepala air pada 18 Ogos lalu.

Ketua Setiausaha MAFI, Datuk Haslina Abdul Hamid berkata, sawah yang terjejas itu melibatkan kawasan di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir di daerah berkenaan.

Beliau berkata, peruntukan tersebut merupakan sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut pada Selasa lalu.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM495,000 akan digunakan bagi membaiki kerosakan infrastruktur termasuk jalan ladang, tali air konkrit, membaiki paip bekalan pengairan, mencuci dan menyenggara pam guna semula.

"Sejumlah RM555,000 pula akan digunakan untuk membaik pulih sawah yang melibatkan kerja-kerja mengeluarkan enapan di dalam bendang, pitaran tanah sawah, perataan tanah dan pemulihan kesuburan tanah," katanya ketika meninjau kawasan bencana di Yan dan Kuala Muda pada Sabtu.



Haslina (tengah) menyampaikan bantuan Bakul Makanan MAFI Prihatin kepada petani yang terjejas.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Ahmad Tarmizi Sulaiman.

Selain itu, Haslina berkata, peruntukan sebanyak RM50,000 akan digunakan untuk bantuan pembatalan musim tanaman 2/2021 di bawah Skim Pengairan Lubok

Boi dengan keluasan 15 hektar.

"MAFI dengan kerjasama jabatan dan agensi khususnya MADA, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) juga sedang menggerakkan segala jentera dalam usaha untuk memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan terjejas," jelas beliau.



Haslina (tengah) melihat kawasan sawah padi yang musnah ketika melawat kawasan bencana di Yan dan Kuala Muda pada Sabtu.

Tambah Haslina, kerosakan keseluruhan bencana khususnya sektor tanaman lain selain padi termasuk ternakan dan perikanan dalam daerah Yan dan Kuala Muda dianggarkan bernilai RM286,000.

"Nilai kerosakan ini meliputi sektor tanaman dan industri tani dengan anggaran kerosakan sebanyak RM222,000, manakala sektor lain seperti ternakan haiwan dan ikan pula membabitkan nilai kerugian sebanyak RM64,000," katanya.

Selain tinjauan ke kawasan bencana, Haslina turut menyampaikan sebanyak 100 Bakul Makanan MAFI Prihatin yang merupakan inisiatif kementerian dalam membantu golongan petani, penternak dan nelayan yang terkesan akibat bencana tersebut.



Haslina (kiri) bertemu penduduk yang terjejas dalam bencana kepala air pada 18 Ogos lalu.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

RM1.1 juta untuk baik pulih sawah di Yan



Haslina ketika meninjau kawasan pertanian yang terjejas akibat fenomena kepala air di Yan pada 18 Ogos lalu. - Foto ihsan MADA

Gambar Ihsan MADA

ALOR SETAR: Sebanyak RM1.1 juta diperuntukkan untuk membaik pulih 34 hektar sawah di Yan yang musnah akibat fenomena kepala air dari puncak Gunung Jerai, 18

Ogos lalu.

Ia membabitkan sawah di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir apabila padi berusia antara 75 hingga 100 hari ditenggelami air sedalam 1.2 meter ketika bencana alam itu berlaku.

Peruntukan berkenaan adalah sebahagian daripada keseluruhan RM75 juta yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana pada Selasa lalu.

Ketua Setiausaha Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI), Datuk Haslina Abdul Hamid, berkata peruntukkan berjumlah RM495,000 akan digunakan bagi membaiki kerosakan infrastruktur termasuk jalan ladang, tali air konkrit, membaiki paip bekalan pengairan, mencuci dan menyenggara pam guna semula.

"Sebanyak RM555,000 pula untuk membaik pulih sawah yang membabitkan kerja mengeluarkan enapan dalam bendang, pitaran tanah sawah, perataan tanah dan pemulihan kesuburan tanah.

"Selain itu, peruntukan RM50,000 akan digunakan untuk bantuan pembatalan musim tanaman 2/2021 di bawah Skim Pengairan Lubok Boi dengan keluasan 15 hektar," katanya dalam kenyataani, hari ini.

Mengulas lanjut, Haslina berkata, MAFI dengan kerjasama Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang juga sedang menggerakkan segala jentera dalam usaha untuk memulih dan memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan yang terjejas.

Katanya, laporan keseluruhan kerosakan bencana khususnya sektor tanaman lain selain padi, termasuk ternakan dan perikanan di daerah Yan dan Kuala Muda dianggarkan bernilai RM286,000.

"Nilai kerosakan ini meliputi sektor tanaman dan industri tani dengan anggaran kerosakan sebanyak RM222,000, manakala sektor lain seperti ternakan haiwan dan ikan pula membabitkan nilai kerugian sebanyak RM64,000," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2021	BERNAMA	ONLINE	

RM1.1 juta bagi baik pulih 34 hektar sawah padi di Yan



ALOR SETAR, 28 Ogos -- Sebanyak RM1.1 juta diperuntukkan bagi membaik pulih 34 hektar kawasan sawah padi di Kampung Titi Bakong dan Kampung Rendang Pasir, Yan yang musnah dalam kejadian banjir lumpur akibat fenomena kepala air, pada 18 Ogos lepas.

Menurut Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) peruntukkan itu adalah sebahagian daripada keseluruhan peruntukan berjumlah RM75 juta yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob ketika meninjau lokasi bencana tersebut, Isnin lepas.

"Peruntukan berjumlah RM495,000 (daripada RM1.1 juta) akan digunakan bagi membaiki kerosakan infrastruktur termasuk jalan ladang, tali air konkrit, membaiki paip bekalan pengairan, mencuci dan menyenggara pam guna semula.

"Sementara RM555,000 untuk kegunaan membaik pulih sawah yang melibatkan kerja-kerja mengeluarkan enapan di dalam bendang, putaran tanah sawah, meratakan tanah dan pemulihan kesuburan tanah," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Selain itu, sebanyak RM50,000 akan digunakan untuk bantuan pembatalan musim tanaman 2/2021 di bawah Skim Pengairan Lubok Boi dengan keluasan 15 hektar.

Dalam pada itu, pelbagai agensi dan jabatan berkaitan termasuk Lembaga Kemajuan Pertanian Muda, Jabatan Pertanian, Jabatan Perkhidmatan Veterinar, Jabatan Perikanan dan Lembaga Pertubuhan Peladang sedang menggerakkan segala jentera dalam usaha memulih dan memperbaiki kerosakan yang berlaku termasuk sistem pengairan.

Sementara itu, MAFI memaklumkan laporan keseluruhan kerosakan khususnya sektor tanaman lain selain padi, termasuk ternakan dan perikanan dalam daerah Yan dan Kuala Muda dianggarkan bernilai RM286,000 ekoran bencana itu.

Nilai itu meliputi sektor tanaman dan industri tani dengan anggaran kerosakan sebanyak RM222,000, manakala sektor lain seperti ternakan haiwan dan ikan membabitkan nilai kerugian sebanyak RM64,000.

-- BERNAMA

Kolam tampung najis ayam

Bagi mengelakkan Sungai Air Kuning tercemar lagi

Oleh SARINAH MAT KASIM

TAMPIN

Langkah pencegahan yang diambil pengusaha untuk mengurangkan pencemaran di kawasan ladang ternakan ayam dekat Air Kuning Selatan di sini wajar dan tepat bagi mengelakkan kejadian sama berulang.

Exco Pertanian dan Industri Makanan Negeri Sembilan, Datuk Ir Bakri Sawir berkata, pengusaha terlibat membina kolam takungan untuk menampung buangan najis dari ladang ternakan itu bagi mengelak aliran ke dalam sungai.

"Pencemaran Sungai Air Kuning yang berpunca dari ladang ternakan ayam ini tidak seharusnya berulang.

"Setakat ini saya berpuas hati dengan langkah pencegahan yang diambil oleh pengusaha ladang ayam," katanya pada Jumaat.



Bakri (kanan) meninjau kawasan ladang ternakan ayam di Gemencheh baru-baru ini.

Tambahnya, pengusaha ladang ternakan ayam itu perlu beroperasi mengikut peraturan yang ditetapkan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan tidak menimbulkan masalah lain terutama pencemaran.

Bakri yang sebelum ini mengadakan lawatan mengejut di ladang ternakan tersebut berharap pencemaran sungai tidak lagi berlaku bagi menjaga kebersihan air. *Sinar Harian* sebelum ini melaporkan

sebuah ladang ternakan ayam dikompaun RM500 selepas didapati menyebabkan pencemaran air Sungai Air Kuning pada 8 Ogos lalu.

Kompaun dikeluarkan kepada pemilik ladang itu oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Sembilan mengikut Seksyen 16(1)(b) Enakmen Kawalan dan Pelesenan Penternakan Unggas dan Aktiviti Berkaitan Penternakan Unggas 1996.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2021	NEW SARAWAK TRIBUNE	ONLINE	

Additional RM9 mln as monsoon season relief aid for fishermen



Uggah (fifth from left) with Abdul Rahman, Edwin Abit and Dr Alvin (fourth from right) at the construction site of the new Farmers Organisation headquarters.

SAMARAHAN: The Sarawak government has set aside an additional RM9 mln as Landas (monsoon) Season Relief Aid for fishermen.

Deputy Chief Minister Datuk Amar Douglas Uggah Embas said the aid was for January to March next

year.

He said this after inspecting the on-going construction work on the state Farmers Organisation new headquarters, on Friday (Aug 27).

He said the government had earlier set aside a sum of RM15 mln for the same relief fund for this year from January until March and from November to December.

“The fund is to assist fishermen who cannot go out to sea during the landas season.

“Some 10,000 fishermen are expected to benefit from the monthly allowance of RM300.”

On the new Farmers Organisation headquarters, Uggah, who is also Agriculture Modernisation, Native Land and Regional Development Minister (Manred), was glad to note that its construction was currently 5.57 per cent ahead of schedule.

Work on the RM20 mln building situated on a 1.214ha site started on Sept 24 last year and is expected to be done by May 24 next year.

Assistant Agriculture Minister Datuk Dr Abdul Rahman Ismail, who is also the chairman of Sarawak Farmers Organisation; Manred permanent secretary Edwin Abit and Agriculture Department director Dr Alvin Chai were also among those present.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	28

Sedekah dua tan sayur, buah sempena merdeka

KLANG: Beberapa orang peladang buah *rock melon* mengambil inisiatif menyambut Hari Kebangsaan Ke-64 dengan menyumbang dua tan buah-buahan dan sayur kepada penduduk Kampung Perepat dalam kalangan golongan asnaf serta yang terkesan akibat pandemik Covid-19.

Menurut wakil peladang tersebut, Hamid Yahya, dia dan rakan-rakannya berganding tenaga dan wang ringgit untuk menjayakan program tersebut.

"Kita membeli hasil pertanian seperti timun, jagung, jambu batu dan pisang untuk disumbangkan kepada asnaf sekitar kampung ini.

"Program sempena bulan kemerdekaan ini adalah bagi membantu golongan yang terkesan akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi mengekang pandemik Covid-19," katanya sempena Program Ramah Mesra Dan Warga Tani Prihatin Usahawan Rock Melon Kampung Perepat Bersama Pengarah Pertanian Selangor semalam.

Sementara itu, menurut Pengarah Pertanian Selangor, Azahar Ibrahim, program yang dianjurkan oleh usahawan tersebut merupakan inisiatif



AZAHAR Ibrahim (tiga dari kiri) bersama wakil usahawan rock melon, Hamid Yahya (dua dari kiri) bergambar bersama sebahagian dua tan sayuran yang disumbangkan kepada golongan asnaf sekitar Kampung Perepat, Klang, semalam. - UTUSAN / ABDUL RAZAK IDRIS

yang terpuji di saat masyarakat berhadapan dengan pandemik Covid-19 yang menyebabkan ramai hilang punca pendapatan.

"Sebagai agensi yang menjaga hal ehwal produk pertanian seperti rock melon, saya melihat usaha yang dilakukan usahawan membantu penduduk

kampung di sini wajar diteladani," katanya.

Mengulas mengenai prospek *rock melon* sebagai produk pertanian, beliau berkata, buah tersebut adalah antara 12 buah bernilai tinggi di negeri ini.

"Sehubungan itu, Jabatan Pertanian Selangor memberi galakan

melalui khidmat pengembangan dan regulatori serta pembangunan agromakanan.

"Tahun ini, kita menerima peruntukan dari kerajaan negeri sebanyak RM14 juta dan RM1.5 juta khas untuk pembangunan projek fertigasi turut melibatkan *rock melon*," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
28/8/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

Kreativiti petua bisnes terus bertahan

BUKIT MERTA JAM: Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya.

Seorang usahawan membuktikan kreativiti penting dalam mengoptimumkan jualan produk perniagaannya yang berasaskan ternakan kambing ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

Muhammad Bukhari Mohd. Rashid, 28, berkata, selain susu, dia turut memproses hasil tenusu seperti keju, dadih dan yogurt berasaskan kambing.

Anak bongsu daripada empat adik-beradik itu juga memproses tinja kambing untuk dijadikan baja organik selain mengkomersialkan rumput jenis 'napier' yang pada awalnya diusahakan untuk dijadikan makanan kepada haiwan ternakan berkenaan sahaja.

"Baja organik itu sebenarnya mendapat permintaan yang agak tinggi di pasaran dan saya bertuah kerana penjualannya juga membantu mengurangkan kerugian yang saya alami semasa PKP.

"Selain dipasarkan di sekitar kawasan utara, baja ini juga dijual menerusi platform e-dagang seperti Lazada dan Shopee pada harga sekitar RM15 sekilogram," katanya kepada Utusan Malaysia di sini baru-baru ini.

Ketika ini, Muhammad Bukhari menguruskan hampir 60 ekor kambing tenusu di sebuah



MUHAMMAD BUKHARI Mohd. Rashid menunjukkan sebahagian daripada produk berasaskan kambing yang dijual oleh syarikatnya di Bukit Mertajam, Pulau Pinang.

ladang ternakan seluas lebih 0.4 hektar dengan dibantu dua pekerjaannya di Kampung Tun Sardon, di sini.

Di ladang yang sama juga, pemuda lulusan Diploma Kawalan Numerikal Komputer (CNC) dari Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN) Sepang itu turut menanam rumput jenis Napier Dwarf, Napier Taiwan dan Napier Pak Choy yang mampu menghasilkan sehingga 12 tan metrik apabila dituai selepas 35 hari.



Selain dipasarkan di sekitar kawasan utara, baja ini juga dijual menerusi platform e-dagang..."

MUHAMMAD BUKHARI MOHD. RASHID